



Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao

Malaysian Consultative Council of Buddhism
Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism

123 ,Jalan Berhala, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur. Tel: 03-2273 9304 Fax : 03- 2273 9307 Email : mccbchst@yahoo.com Website:<http://harmonymalaysia.wordpress.com>

6 Oktober 2020

Yang Berhormat Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique
Menteri Perpaduan Negara
Kementerian Perpaduan Negara
Kompleks E, Aras 7-10, Blok E2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya

Yang Berhormat Datuk,

PENUBUHAN JAWATANKUASA HARMONI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

Terlebih dahulu izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada YB Datuk atas kesudian melapangkan masa untuk bertemu dengan Jawatankuasa Eksekutif MCCBCHST pada 29 September 2020 yang lepas di pejabat YB Datuk. Sesungguhnya, usaha ini menunjukkan komitmen YB Datuk untuk membina perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai agama di negara ini.

Pihak kami juga amat mengalu-alukan cadangan YB Datuk agar cawangan MCCBSHT di negeri-negeri dapat mengadakan kerjasama erat dengan pihak pentadbiran negeri khususnya mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri juga Exco yang bertanggungjawab untuk Agama agar penyelarasan yang lebih sistematik dan efektif dapat diwujudkan.

Semasa sesi pertemuan yang berkenaan YB Datuk telah memaklumkan kepada kami mengenai penubuhan sebuah Jawatankuasa HARMONI bagi menggantikan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA). Pada masa yang sama pihak kami juga telah dimaklumkan mengenai keahlian Jawatankuasa HARMONI ini kelak.

Pihak kami agak terkilau dengan pengumuman YB Datuk mengenai penubuhan HARMONI, kami tertanya mengapa pihak MCCBCHST tidak dijemput lebih awal untuk berbincang terlebih dahulu mengenai penubuhan jawatankuasa ini dan sebelum proses pencalonan keahlian Jawatankuasa HARMONI ini dilaksanakan.

Selama ini MCCBCHST telah menjadi titik rujukan kepada semua isu yang memerlukan penjelasan oleh pihak Kerajaan. Memandangkan keadaan ini, pihak kami ingin mengemukakan beberapa kemusykilan yang telah timbul kepada YB Datuk untuk mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut walaupun YB Datuk telah cuba menerangkan serba sedikit mengenai perkara ini, namun mesej yang kami perolehi adalah bahawa keputusan ini telah dibuat dan diluluskan di Mesyuarat Jemaah Menteri.

Pihak kami perlu mendapatkan penjelasan ini kerana telah terlibat di dalam dialog antara agama dari tahun 1983 ketika MCCBCHST ditubuhkan dan sejak 2010 ketika JKMPKA ditubuhkan oleh Kerajaan. Jabatan Perdana Menteri telah mengambil masa 3 hari 2 malam untuk membincangkan dengan terperinci penubuhan JKMPKA dan calon-calon yang akan dilantik untuk menganggotainya. Sekiranya YB Datuk perlu melantik lebih daripada seorang daripada setiap agama untuk menganggotai HARMONI maka YB Datuk seharusnya telah melibatkan pihak MCCBCHST supaya cadangan nama calon yang sesuai dan terbaik serta mewakili hasrat dan sokongan semua penganut masing-masing agama dapat dikenalpasti dan dibincangkan dengan terperinci.

Penjelasan yang diperlukan adalah seperti berikut:

1. Oleh kerana Jawatankuasa HARMONI yang dicadang ditubuhkan akan merangkumi ketua-ketua Agama, maka adalah penting untuk menetapkan rangka rujukan (Frame of Reference), agar semua perbincangan yang diadakan adalah dikendalikan dalam suasana yang aman dan hormat-menghormati antara satu sama lain, selain semua ahli jawatankuasa ini diperlakukan secara saksama.
2. Ketua-ketua Agama yang dipilih untuk menganggotai Jawatankuasa HARMONI ini mestilah mempunyai sokongan sepenuhnya daripada pertubuhan kebangsaan yang mewakili agama-agama tersebut. Beberapa calon yang telah dipilih untuk menganggotai jawatankuasa HARMONI ini tidak mempunyai mandat dan autoriti ini khususnya:
 - 2.1. Venerable Jue Cheng dari Fo Guang Shan Malaysia. Fo Guang Shan Malaysia adalah sebuah pertubuhan transnational yang berpusat di Taiwan. Ia bukanlah sebuah pertubuhan yang diwujudkan di Malaysia dan tidak mewakili serta tidak mendapat sokongan kebanyakan penganut agama Buddha di Malaysia. Adalah sangat tidak wajar untuk membawa masuk sebuah pertubuhan asing di dalam sebuah Jawatankuasa Kebangsaan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan.
 - 2.2. Jason Leong, Penasihat Christian for Peace and Harmony in Malaysia (CPHM). CPHM telah ditubuhkan pada 2 Jun 2015 dan bukanlah wakil sah yang mewakili masyarakat Kristian di Malaysia. Wakil sah yang mewakili semua penganut Kristian di Malaysia adalah Christian Federation of Malaysia (CFM) yang dianggotai oleh Council of Churches of Malaysia (CCM), National Evangelical Christian Fellowship (NECF) dan Catholic Bishops' Conference of Malaysia (CBCM).


- 2.3. Tan Sri Datuk R. Nadarajah, Pengerusi Sri Maha Mariamman Temple Devasthanam Kuala Lumpur (SMMTD). SMMTD merupakan sebuah Lembaga yang telah ditubuhkan di bawah arahan Mahkamah pada tahun 1937 untuk menguruskan hanya tiga buah kuil Hindu iaitu Sri Maha Mariamman Temple Dhevasthanam in Jalan Tun H.S.Lee (kuil tertua di Kuala Lumpur); Kuil Sri Subramaniam, Batu Caves; dan Courthill Kuil Sri Ganesar (Kortumalai), Bukit Mahkamah, Jalan Pudu Lama. SMMTD bukanlah sebuah pertubuhan kebangsaan dan tidak mewakili kuil-kuil Hindu di Malaysia kerana kuil-kuil Hindu hanya berdaftar di bawah Malaysia Hindu Sangam (MHS). SMMTD bukanlah suara untuk sebarang masalah yang dihadapi oleh mahupun kuil Hindu, masyarakat Hindu di Malaysia dan juga bukannya autoriti kepada amalan agama dan kebudayaan Hindu di Malaysia.
- 2.4. DaoZhang Dr. Yam Kam Kean, President Taoist Association of Malaysia (TAM). Beliau merupakan bekas penasihat sarjana kepada Federation of Taoist Associations of Malaysia (FTAM). TAM adalah sebuah kumpulan serpihan yang telah membawa keluar beberapa orang pemimpin daripada FTAM untuk menubuhkan TAM. TAM juga tidak membawa suara majoriti penganut Tao di Malaysia. Pencalonan Dr. Yam ini hanya akan membawa perbalahan di dalam HARMONI.
3. Pihak kami berpendapat bahawa Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) tidak perlu menganggotai Jawatankuasa HARMONI kerana sememangnya pihak kami senantiasa mengadakan pelbagai sesi libat urus dan kerjasama erat melalui pelbagai program dan aktiviti bersama mereka. Jika jawatankuasa ini dianggotai oleh ketua-ketua agama biarnya ianya terhad kepada Ketua Agama sahaja. Pada masa-masa tertentu HARMONI besar kemungkinan akan membincangkan pelbagai isu yang sensitif, oleh itu pihak kami berpendapat wakil dari NGO bukan agama akan mengelirukan autoriti dan kepimpinan agama.

YB Datuk, pihak kami amat bertanggungjawab dan prihatin mengenai kedudukan isu keagamaan yang dipandang amat sensitif di negara ini. Pelbagai pihak ingin mengambil peluang situasi ini juga pergolakan politik dan pertukaran tampuk pemerintahan di negara ini untuk kepentingan diri sendiri atau kumpulan mereka. Pihak kami menghadapi masalah ini diperingkat akar umbi dan terpaksa bekerja keras untuk menjelaskan pelbagai isu kepada penganut agama kami agar mereka tidak keliru. Perkara yang sama kami harapkan daripada pihak Kerajaan juga agar sebarang keputusan yang diambil dari segi isu keagamaan dan sebagainya termasuk penubuhan HARMONI dibincangkan dengan sangat terperinci dan wakil-wakil yang menduduki jawatankuasa ini adalah yang mempunyai kewibawaan yang jitu dan tidak mempunyai sebarang agenda yang lain.


YB Datuk, pihak kami tidak berpeluang untuk mengemukakan persoalan-persoalan di atas kepada YB Datuk semasa sesi perbincangan tempoh hari, maka kami berharap YB Datuk akan mempertimbangkan dengan sewajarnya hujah-hujah kami seperti di atas khususnya bantahan kami terhadap cadangan pencalonan 4 (empat) orang ahli HARMONI dan memberi penjelasan kepada persoalan kami seperti di atas. Kami berpendapat bahawa YB Datuk adalah amat peka kepada perkara ini dan amat berharap suatu keputusan yang bernas dapat dibuat untuk menjayakan HARMONI dan bukan untuk mengagalkannya kerana *DISHARMONY* yang mungkin akan timbul. Pihak kami bersedia untuk bertemu dengan YB Datuk untuk perbincangan lanjut.

Sekian dimaklumkan untuk perhatian segera YB Datuk juga.

Yang benar,



Archbishop Julian Leow Beng Kim
Presiden
MCCBCHST




Sardar Jagir Singh a/l Arjan Singh
Timbalan Presiden
MCCBCHST



Dao Zhang Tan Hoe Chieow
Naib Presiden
MCCBCHST



Venerable Sing Kan
Naib Presiden
MCCBCHST



Datuk R.S. Mohan Shan
Naib Presiden
MCCBCHST